

## TAREKAT TASAWUF : SUATU PENGENALAN

Zulkefli bin Mohamad

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), Universiti Teknologi MARA Pahang

### ABSTRAK

Gejala sosial dan jenayah yang berleluasa berkait rapat dengan tasawuf. Pembahagian ilmu-ilmu Islam yang diperkenalkan oleh ilmuan silam memudahkan perbincangan mendalam bagi setiap ilmu Islam. Bagaimana pun topik dan isu popular telah meminggirkan bidang penting tasawuf walaupun ianya sebaris dengan fiqh, mu'amalat dan aqidah; serta amat penting dalam menjana ummah yang gemilang.

### PENDAHULUAN

Tarekat tasawuf pada asalnya merupakan suatu jalan yang amat murni yang berperanan membentuk peribadi dan personaliti setiap individu ke arah kebaikan.

Namun kekaburuan beberapa situasi, faktor dan komponen di dalamnya menjadikannya amat sukar dan digeruni ramai. Tidak keterlaluan jika dikatakan ada golongan umat Islam sendiri yang menuduh institusi ini dengan pelbagai tohmahan, padahal ianya sangat penting dalam proses penyucian dan pembersihan diri setiap muslim.

Oleh itu institusi ini mestilah difahami sewajarnya agar perkara-perkara yang bertentangan dan penyelewengan yang berlaku tidak terus dilemparkan sebagai sebahagian daripada institusi tarekat tersebut.

Huzaifah bin al-Yaman iaitu salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w dikatakan telah mempelopori ajaran tasawuf ini, di mana perkara yang buruk dalam diri seseorang baik berupa perasaan, sikap, amalan mahu pun perangai hendaklah dijauhi dan diganti dengan amalan dan sifat-sifat mahmudah.

Huzaifah bin al-Yaman pernah ditanya, "Kami lihat tuan mengeluarkan kata-kata ajaran yang tidak pernah kami dengar daripada sahabat Nabi yang lain, dari manakah tuan perolehinya?" Jawabnya, "Rasulullah telah tentukannya untuk saya, orang lain bertanyakan perkara yang baik-baik, tetapi saya menanyai Baginda perkara yang jahat-jahat dengan maksud agar mengetahuinya lalu dapat menjauhkan diri daripadanya, tetapi perkara yang baik saya tidak ketinggalan." Beliau menyambung, "Sesiapa yang tidak kenal kejahatan, (sebenarnya) dia tidak akan kenal kebaikan."

Kemudiannya ajaran tasawuf terus disebar luaskan ke segenap penjuru dunia. Kini kita menjumpai nama-nama unggul rentetan amalan sufiyat dari dahulu hingga sekarang; termasuklah nama-nama Uwais al-Qarni, Ibrahim bin Adham, Abu Yazid al-Bistami, Bishr al-Hafi, Malik bin Dinar, Junaid al-Baghdadi, Rabi'at al-'Adawiyat, Dhu al-Nun al-Misri dan lain-lain. Kemudiannya nama-nama pengasas tarekat membarisi senarai yang panjang dan tidak kurang pula ada yang menyeleweng daripada landasan asal.

### TASAWUF SEPINTAS LALU

Al-Shaykh Taha 'Abdul Baqi Surur dalam kitabnya "Shakhashat Sufiyat" menuduh orientalis cuba memburukkan tasawuf dengan mengatakan ia berasal dari perkataan Greek "Sofia" bermaksud hikmah atau filsafat. Situasi ini sering dikemukakan agar menyukarkan lagi pemahaman dan perbahasan tasawuf. Apabila disesuaikan kepada Bahasa Arab mereka menujukan kepada orang yang kuat beribadat dan ahli falsafah agama (Zainal Abidin Abbas 1993).

Segolongan pengkaji sejarah pula mengaitkan perkataan ini dengan "suffah" iaitu perkumpulan yang memutuskan hubungan dengan dunia kerana beribadat kepada Allah; wujud sejak zaman jahiliah. Orang yang paling masyhur sebagai "suffah" ialah al-Ghus bin Murr. Sandaran kepada beliau juga kurang tepat.

Ibn al-Jawzi menceritakan bahawa Muhammad bin Nasir dari Abu Ishaq Ibrahim katanya : Abu Muhammad Abdul Ghani berkata : "Aku telah bertanya Walid bin al-Qasim, apakah sandaran kalimah sufi itu? Beliau menjawab, suatu perkumpulan di zaman jahiliyah disebut suffah, mengasingkan dirinya untuk

Allah dan mereka mendiami ka<sup>c</sup>bah. Oleh itu orang yang menyamai mereka kemudiannya digelar suffah juga.”

Sesetengah pengkaji pula mengaitkannya dengan “Suf” iaitu pakaian bulu yang menjadi pakaian kebiasaan para nabi dan <sup>c</sup>abid terdahulu yang hidup mereka adalah secara bersederhana.

Walau apa pun sandaran dibuat, apa yang jelas ialah mereka mengutamakan sudut yang kekal abadi iaitu “kerohanian”, yang tentunya mengutamakan kebersihan hati melalui amalan zahir dan batin dengan disiplin yang ketat dan adab-adab yang begitu unggul.

Zakaria Stapa (1998 : 135) dalam mengulas tulisan al-Sha<sup>c</sup>rani iaitu al-Tabaqat al-kubra menyimpulkan “nature” ilmu tasawuf adalah :

- a. Ilmu yang berpusat di hati manusia
- b. Hanya terhasil berdasarkan kerja amal
- c. Untuk menggilap bersih hati bagi persediaan ilmu (agar) berlabuh padanya
- d. Amalan-amalan tersebut berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah
- e. Kandungannya berupa pelbagai adab, rahsia dan hakikat
- f. Dari jenis rasaan atau kecapan rohani ( dhauq )

### **SEJARAH KEMUNCULAN TAREKAT TASAWUF**

Pada zaman Rasulullah s.a.w, sifat umum tasawuf terdapat pada hampir semua para sahabat tanpa kecuali (Zainal Abidin Abbas 1993). Pada zaman itu seseorang yang amat wara<sup>c</sup> dan bertaqwa kepada Allah serta kuat beribadah bukanlah perkara aneh.

Bagaimana pun lama-kelamaan sifat tersebut semakin luntur di kalangan masyarakat. Mereka yang bersifat sedemikian kelihatan dan dianggap janggal. Kajian dan penelitian akhirnya terpaksa dibuat kerana terdapat juga golongan yang menyeleweng kerana silap tafsir dan tidak kurang juga dipengaruhi da<sup>c</sup>yah dan ajaran asing.

Al-Imam al-Qushairi dalam “al-Risalat al-Qushairiyat” telah menyatakan :

Bahawa kaum muslimin pada masa Rasulullah s.a.w dan kemudiannya merasa beroleh kehormatan dengan nama “sahabat”. Ertinya apabila seseorang itu disebut orang bahawa dia adalah sahabat Nabi, maka kata sahabat itu sangat mulianya bagi mereka. Yang di belakang sahabat disebut “tabi<sup>c</sup>in”, dan ini pun kata yang mulia. Di belakang itu “tabi<sup>c</sup> tabi<sup>c</sup>in”. Setelah itu lahirlah pelbagai bid<sup>c</sup>ah dan timbulah pelbagai faham. Lalu orang-orang yang khusus memelihara sunnah Allah dan memelihara hubungan dirinya yang baik dengan Allah, yang menjaga hubungan batinnya terpelihara dengan Allah, disebut orang dengan “tasawuf”, dan ini terjadi pada masa imam besar Ahmad bin Hanbal sebelum tahun 200 hijrah. “

Disiplin amalan tasawuf muncul sebagai tarekat atau disiplin ilmu Islam yang khusus dan matang pada kurun ke-tiga hijrah (Zakaria Stapa 1998 : 136). Susunan dan tarekat khusus ini muncul berdasarkan aktiviti dan kegiatan tertentu mengikut kaedah para pembimbing tasawuf (shaykh-shaykh) yang terbilang. Walau pun pada peringkat awalnya ia berpusat di masjid, tetapi akhirnya bertukar ke zawiyyah, ribat dan khanaqat (pusat tasawuf yang khusus) tersendiri.

### **INSTITUSI TAREKAT TASAWUF**

Tarekat secara literal bermaksud “jalan” yang seerti dengan shari<sup>c</sup>at itu sendiri. Oleh itu jika disebut sepantas lalu merujuk kepada makna asalnya maka ianya bolehlah difahami sebagai shari<sup>c</sup>at yang dibawa oleh Junjungan Besar s.a.w, iaitu jalan Islam.

Jika yang demikian, maka setiap individu muslim wajib beramal dengannya kerana mengamalkan jalan yang dibawa oleh Baginda s.a.w. adalah suatu kewajipan dan tuntutan.

Namun jika tarekat ditafsirkan secara khusus seperti yang difahami ramai sebagai institusi tasawuf tersendiri bersama tarekat yang selalunya dinamakan bersempena pengasasnya seperti Qadiriyat, Naqshbandiyat, Shaziliyat, Ahmadiyat dan seumpamanya; juga dari sudut perjalanan atau teknikal, asasnya ia dirujuk kepada sirah atau jalan kerohanian khusus yang dilalui oleh pejalan ( al-salik ) menuju Allah dengan melintasi halangan dan rintangan serta melalui pelbagai ahwal (keadaan) dan maqam (tahap) yang tertentu (Zakaria Stapa 1998 : 136 yang merujuk penulisan al-Jurjani ).

Maka istilah tarekat secara khusus bolehlah dirujukkan kepada cara, kaedah dan peraturan khusus yang diikuti dan dihayati oleh murid (penuntut tasawuf) di bawah bimbingan seorang shaykh (pembimbing tasawuf) dengan peraturan yang ketat dalam hubungan dengan suluk kerohanian. Jalan mereka (tarekat) merupakan jalan yang lebih khusus dan terperinci berbanding shari'at umum yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Institusi tarekat secara khusus wujud kerana berfungsinya dua komponen utama iaitu shaykh (pembimbing) dan murid (penuntut).

### **Shaykh**

Shaykh adalah guru di mana peranan utamanya adalah mencari manfaat dan mengelakkan mudarat sepanjang perjalanan sufi agar menjumpai jalan menuju Allah. Ianya bolehlah dibandingkan seumpama Rasulullah terhadap para sahabat Baginda (Al-Taftazani 1969 dan Zakaria Stapa 1998).

Al-Imam al-Qushairi dalam al-Risalah al-Qushairiyah ada menyatakan (Zakaria Stapa 1998 : 139) "Kemudian wajiblah ke atas seorang murid supaya dia dididik oleh shaykh; kalau sekiranya dia tidak ada guru (yang membimbangnya), selamanya dia tidak akan berjaya (dalam perjalanannya menuju Allah s.w.t.)" Sementara Al-Ghazzali dalam Ihya' 'ulum al-din juga menyatakan, "... seorang murid itu memerlukan seorang shaykh ... semestinya dia ikuti ... jalan agama itu cukup sukar sekali ..." .

### **Murid**

Murid (penuntut) adalah salik atau sa'ir (pejalan) yang bersetuju memberikan ketaatan dan kepatuhan yang penuh kepada shaykh dalam hubungan kerohanian untuk menuju Allah. Al-Taftazani (1969) mengumpamakan hubungan mereka lebih erat daripada anak dan bapa.

Murid terikat ketat dengan syarat, adab dan disiplin kerohanian yang begitu tinggi. Beliau memberikan kepercayaan dan bergantung penuh kepada shaykh-nya serta segala rahsia peribadi didedahkan untuk makluman shaykh demi memudahkan shaykh membuat keputusan berkaitan dengan murid tersebut. Murid mestilah mematuhi semua arahan dan melalui proses ta'dib (bimbingan) yang pelbagai peringkat dan cara (Al-Muhasibi 1390H/ 1970 )

Hubungan antara sesama murid adalah begitu rapat melebihi hubungan persaudaraan keturunan. Mereka semua berada di bawah satu payung shaykh, dengan matlamat dan kepentingan yang sama iaitu menuju Allah.

## **KEPENTINGAN DAN KEBAIKAN INSTITUSI TAREKAT TASAWUF**

### **Pembaikpulih dan Penambahbaikan Akhlak**

Al-Taftazani (1389H/ 1969) menjelaskan mujahadah nafs (mengawal nafsu) yang dianggap jihad al-akbar (jihad terbesar) untuk menemui Allah adalah terhadap al-ammarah bi al-su' (runtunan nafsu yang buruk). Ianya merupakan latihan amali dan bukannya berbentuk teoritikal. Latihan-latihan amali tersebut merangkumi proses pembunuhan segala akhlak mazmumah untuk diganti dengan segala macam akhlak mahmudah.

Al-Taftazani juga mengemukakan tahap ahli khususiyat Ilahiyat (penggiat kerohanian) yang begitu tinggi akhlaknya untuk diukur sebagai manusia biasa. Segala bentuk riya' dan syirk termasuk yang khafi (tersembunyi) seperti suka dihormati dan dimuliakan, segala sifat sombong dan takabbur serta kebergantungan harap kepada makhluk dilontar jauh daripada diri pengamal tarekat tasawuf. Situasi ini terlalu sukar kedapatan di kalangan mereka yang langsung tiada disiplin sufiyat.

Abu al-<sup>c</sup>Ula <sup>c</sup>Afifi (1963) pula menggabungkan tarekat dan mujahadat al-nafs di bawah satu tajuk memperkenyatakan pentingnya hubungan antara kedua-duanya. Mujahadat, al-khalwat dan al-<sup>c</sup>uzlat adalah antara aktiviti dan usaha mujahadah untuk menggilap akhlak mahmudah menuju Allah.

### **Pengawasan dan Peningkatan Kerohanian**

Al-Taftazānī (1969) menjelaskan apabila hati kegersangan, ianya perlu disirami dengan azkar (zikir) yang melatih sedarkan hati tentang kewujudan dan keagungan Allah serentak mengiktiraf kedaifan dan kekurangan hambaNya. Proses mujahadah menuntut kelaziman taati Allah dan meninggalkan segala bentuk ammarah bi al-su' (runtunan kejahanan).

Keadaan ini tentunya penjadi perisai bermakna untuk mengawasi pengamal daripada tergelincir ke lembah tipu daya syaitan, seterusnya menambahkan kemantapan kerohanian melusuri masa-masa yang dilaluinya.

Pengawasan kerohanian ini juga terbina melalui disiplin "ketaatan sepenuhnya" kepada shaykh yang mengawal murid untuk menta'dib dan melatih serta menunjukkan jalan yang benar. Hubungan mereka juga dikatakan berlaku bukan sahaja secara zahir, malah mempunyai hubungan nur (cahaya kebatinan) seperti silsilah, barakah dan seumpamanya (Al-Taftazani 1969).

### **Pengembalian Lumrah Manusia**

Al-Taftazani (1969) menyenaraikan seburuk-buruk salik (manusia) adalah mereka yang tidak reda kepada Allah, tidak menerima ketentuanNya serta meredai runtunan nafsunya sendiri. Apabila jalan sufiyat cuba meninggalkan keburukan yang terjelma dalam dirinya sekali gus menggilap emosi dan rohaninya dengan amalan zahir dan batin secara tepat melunasi shari'at Islam, maka in sya'Allah jasmani tidak akan dapat mengongkong rohani sekali gus kewujudan dan kepentingan unsur rohani diiktiraf dan dilayan tuntutannya seperti mana kebanyakan orang melayan tuntutan jasmani mereka.

Sekiranya sesuatu tarekat itu difahami dan berjalan menurut shari'at Islam yang benar maka ianya amat sesuai dengan lumrah dirinya. Manusia yang terdiri daripada dua unsur tidak boleh mengabaikan salah satu daripadanya, dan dunia akhir zaman sering kali keliru dalam membuat perimbangan tersebut; lalu tabiat lumrah yang ingin dipenuhi tidak kesampaian. Mereka lebih nampak keutamaan jasmani yang jelas di depan mata berbanding unsur rohani yang terpendam walau pun rohani sebenarnya jauh lebih penting dan utama.

## **PERLUNYA KETELITIAN DALAM METODOLOGI TAREKAT TASAWUF**

Muhammad Abdul Haq Ansari (1406/ 1986 : 211) ketika membentangkan kajiannya terhadap shaykh Ahmad Sirhindi yang melakukan sedikit reformasi sufism memaparkan kekeliruan metodologi dan falsafah sufiyat untuk difahami dan diketengahkan, katanya:

The way of the saint is different from the way of the prophet: the former seek to eliminate duality, consequently it is plagued by intoxication; the latter maintains duality and is marked by sobriety. In the former, one tries to eradicate will and other human attributes; in the latter the aim is only to eliminate their evil objects. One meets theophanies in the former, which are mere shadows of the Real; there is no love for the shadows in the latter. In the latter love is passionate and intoxicating; in the latter, love is perfect obedience. One oppose the love of the Hereafter to the love of God in the former; in the latter, the love of God is the love of Hereafter.

Petikan ini jelas membayangkan bahawa jalan tasawuf yang menyeleweng bukanlah metod sufiyat Rasulullah s.a.w. Muhammad Abdul Haq Ansari telah mengulas sejelasnya petikan ini di bawah satu bab iaitu "Sufism and shariah" dengan penjelasan yang panjang lebar.

Penulis merasakan penjelasan sebegini amat perlu diketengahkan kerana metod tarekat sufiyat adalah amat unik dan perlu diperbetulkan sekiranya tergelincir dari landasan al-Sunnah. Tafsiran dan amalan yang tepat boleh mengembalikan kegemilangan institusi tarekat itu sendiri, yang kini kian pupus ditelan zaman dan akhirnya sifat-sifat mazmumah semakin ketara berleluasa diamalkan.

Frasa lain seperti “the prophetic way is free from fana’, baqa’, jadhbah and suluk which are part of the Sufi way” perlu dihurai jelas dan difahami sebetulnya. Ansari (1406/ 1986) juga menjelaskan bagaimana tariqat dan haqiqat dikatakan berada dalam rangkuman shari’at. Pelbagai persoalan sedemikian merumitkan tanggapan dan amalan tepat mengenai kesufian dan metodologinya.

Faktor-faktor tersebut menuntut suatu ketelitian pilihan dan pemahaman yang jitu sebagai rentetan daripada beberapa realiti yang antaranya seperti berikut :

#### **Peristilahan yang sukar difahami oleh orang biasa**

Al-Taftazani (1969) menampilkan banyak istilah yang tidak boleh difahami hanya secara literal sahaja ketika menjelaskan mujahadah dan suluk. Antara istilah tersebut termasuklah tinggalkan ikhtiyar (usaha), tadbir (pengurusan) dan iradat (keinginan); yang dimaksudkan bukanlah langsung meninggalkan urusan dan keinginan dunia tetapi lebih kepada menyerahkan segala ketentuan serta penerimaan qada’ dan qadr daripada Allah s.w.t. dengan penuh kerelaan. Kemudiannya kebergantungan mereka kepada usaha dan ikhtiyar makhluk yang hanya merupakan sebab idafi (sandaran) berpindah kepada kebergantungan kepada Yang Maha Agung diistilah sebagai al-rukn ‘ala al-khalq dan isqat al-tadbir wa al-ikhtiyar yang sukar difahami dengan tepat secara literal.

Istilah al-Qushairi (1968 : 158) di dalam Kitab tartib al-suluk fi tariq Allah yang menyebut la yamliku shay’an (seseorang manusia tidak memiliki apa-apa pun) contohnya akan silap difahami dan boleh menjadikan seseorang terus meninggalkan dunia jika ditafsir secara literal semata. Maksud di sini ialah segala apa yang ada di dunia bukanlah milik makhluk tetapi milik Allah, dan makhluk mestilah mematuhi dan menunggalkan Allah dengan menuruti segala shari’at-Nya. Begitu juga dengan istilah kashf yang dibincang oleh hampir semua diskusi sufiyat amat sukar ditanggap secara tepat dan kadang kala menyalahi syara’ (Ansari 1986 : 208).

Ratusan istilah selain yang dicontohkan di atas bertebaran di merata halaman penulisan sufiyat yang tidak harus difahami secara literal. Hal ini seolah-olah mengiktiraf bahawa tarekat tasawuf bersama metodologinya yang unik adalah berbahasa dengan bukan bahasa biasa. Walau pun kadang kala bunyi perkataannya sama tetapi maksudnya sedikit berlainan; atau mungkin juga langsung berlainan. Maka memahami istilah sufi mengikut bidang sufi adalah amat penting agar ianya dapat difahami dan berperanan sewajarnya memurnikan manusia dan kehidupan.

Contohnya Kelantan yang dikatakan terkenal dengan aktiviti keagamaan, kajian pada awal 1990an mendapati sejumlah masyarakat termasuk yang berfungsi sebagai pemimpin keagamaan tidak betul-betul memahami selok belok ilmu tasawuf (Zakaria Stapa 1998 : 134). Dengan itu peristilahan yang digunakan di lapangan tersebut tentunya sukar difahami, lebih-lebih lagi bagi mereka yang cetek ilmu agamanya dan buta Bahasa ‘Arab.

Berdasarkan situasi yang dijelaskan, juga peristilahan khusus dan sukar difahami secara biasa, ditambah dengan dugaan pengalaman aneh kerohanian, seseorang sayr atau salik (penuntut) dalam tarekat tasawuf amat memerlukan shaykh murshid yang ‘alim dan mu’tabar. Sebab itulah belajar secara talaqqi (langsung) amat penting bukan sahaja berkaitan “tauliah dan barakat” tetapi juga bertujuan mendapatkan pemahaman yang jelas dan tepat.

#### **Perlunya menggurui shaykh ‘alim yang mu’tabar**

Al-Taftazani (1969) mengemukakan kepentingan shaykh yang ‘arif bi tariq Allah (mahir berkenaan jalan Allah) untuk membimbang murid agar jalan yang ditunjuki adalah benar, tafsiran pengalaman yang dilalui oleh murid adalah tepat dengan shari’at, kepentingan dan keperluan murid terjaga dan akhirnya matlamat amalan tercapai iaitu ma’rifat Allah (mengenali Allah).

Untuk menemui shaykh sedemikian bertujuan menumpahkan ketaatan seluruhnya demi perjalanan sufiyah sejati yang diidami adalah merupakan suatu perkara yang amat sukar. Ini dibuktikan dengan kajian yang dibuat pada awal 1990an di Kelantan ( Zakaria Stapa 1998 ) yang telah disentuh terdahulu menunjukkan sukarnya mencari orang yang benar-benar ‘alim tentang tarekat tasawuf. Ketandusan pakar dalam bidang ini juga berpunca daripada pengabaian institusi keilmuan tentang bidang ini sejak berkurun lalu, bukan sahaja menganggap bidang ini tidak penting malah ada yang menganggap bidang ini sukar dan merbahaya.

Shaykh mu'tabar amat penting untuk mengajar tunjukkan jalan yang betul. Shaykh Sirhindi (Ansari 1986 : 106) contohnya telah mengkritik ajaran shaykh tarekat tentang tawhid wujudi (kewujudan yang Satu) dengan mengatakan ia bukanlah tawhid yang dibawa oleh Baginda s.a.w. Persoalan wahdat al-wujud (penyatuan Tuhan) yang banyak dibincangkan oleh ahli falsafah seperti Al-Farabi, Ibn 'Arabi dan seumpamanya telah meresap masuk ke institusi tarekat tasawuf; yang mana kesukaran memahaminya menyeret kecabutan dan penyelewengan daripada jalan yang benar. Maka tarekat tasawuf perlu mengemukakan kefahaman yang jitu kepada "murid" agar terus berada di landasan yang sepatutnya. Fungsi dan peranan shaykh di sini amat penting.

Tawhid shuhudi yang dipersetujui Shaykh Sirhindi ( Ansari 1986 : 110 ) dengan konsep wahdat al-shuhud juga perlu difahami oleh mereka yang berkecimpung dan terlibat dengannya sebelum mendakwa ianya bertepatan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

### **Mudah terdedah kepada "shaykh" palsu**

Shaykh dipercayai dapat menyelami hati para murid dan kadang kala turut sama melihat fenomena dha'uq dan ahwal menuju Allah (Al-Taftāzāni 1969 ). Shaykh kemudiannya membantu murid menafsirkan ahwal tersebut dan sekiranya shaykh itu palsu, dan bertujuan mengambil peluang ke atas murid berkenaan maka dengan mudahnya tafsiran menyeleweng boleh dibuat. Si murid pula akan mempercayai sepenuhnya pembohongan shaykh palsu tersebut.

Pancing iblis ini lebih mengena kerana ketaaan kepada shaykh yang disyaratkan ke atas murid adalah penuh dan menyeluruh (Al-Taftāzāni 1969). Lebih-lebih lagi murid telah mendedahkan segala rahsianya seperti seperlunya kepada shaykh beliau, dan shaykh akan memaklumi kelemahan-kelemahan murid untuk dimanipulasi.

Bidangkuasa yang amat luas diberikan kepada shaykh yang walau pun boleh mendatangkan kebaikan serta mempercepatkan proses kesufian-nya, namun ia juga boleh membahayakan pihak murid. Sekiranya shaykh itu palsu, murid bukan sahaja dipergunakan di dunia ini, malah terkail bersama gurunya ke jalan syaitan yang durjana dan dibimbangi menjadi penghuni neraka selama-lamanya. Justeru itulah kebanyakannya pemerhati mengemukakan kepentingan silsilah shaykh sampai kepada Rasulullah s.a.w. tersimpan dan boleh dibuktikan oleh shaykh.

Justeru itulah Zakaria Stapa (1998) mengutarakan kesimpulan syarat-syarat shaykh yang disunting daripada beberapa buku terkenal karangan al-Ghazzali, al-Dahlawi dan al-Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi demi memastikan shaykh juga mestilah berada di jalan yang amat benar.

Antara syarat shaykh yang penting agar tidak menyeleweng termasuklah amat memahami secara mendalam berkenaan al-Quran dan al-Sunnah serta ilmu berkaitan kedua-dua sumber utama tersebut, mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, zuhud dan tiada kepentingan nyata ke atas murid nya, amat gemarkan amar ma'ruf nahi mungkar dan lain-lain perkara yang bersangkutan.

Peluang ke atas murid selalunya diambil oleh shaykh palsu ini terutama ketika menafsirkan keanehan-keanehan yang terjelma daripada amalan-amalan yang dilakukan. Dakwaan kashf, al-ilham, al-wajd, al-mushahadat dan lain-lain fenomena ajaib boleh digambarkan oleh shaykh palsu mengikut selera sendiri. Peristilahan tersebut tidak boleh ditafsirkan secara ringkas untuk difahami, sebaliknya memerlukan pemahaman yang bersandarkan ajaran Islam yang menyeluruh (merujuk semua disiplin keilmuan Islam seperti tafsir, hadis, akidah, fiqh, bahasa, sejarah dan lain-lain).

Untuk mengenali shaykh yang palsu, adab-adab shaykh juga boleh membantu pengenalan dibuat. Penulisan al-Suhrawardi dan al-Shaykh Muhammad Amin al-Kurdi yang dinukilkan oleh Zakaria Stapa (1998) menyenaraikan beberapa adab shaykh yang antaranya termasuklah tidak mempromosikan diri, menguntukkan masanya untuk khalwah dan ibadah, sesuai dengan para murid nya seperti bertoleransi, suka membantu dan sebagainya. Shaykh yang lemah lembut dan penuh kasihan belas, cukup menjaga rahsia murid nya, tenang dan tidak tergopoh gapah dalam tindakan yang penuh dengan pekerti mulia adalah menghampiri sifat-sifat junjungan s.a.w.

## Dhauq dan ahwal yang subjektif

Al-Taftazani (1969) menyatakan mujahadah sufiyyah bersifat subjektif (zatiyat) dan dirasai sendiri oleh pengamalnya dalam bentuk ahwal (keadaan) yang tertentu. Ahwal yang dirasai oleh pengamal ketika uzlah, khalwah dan zikr adalah cukup seni seperti al-wajd, fana' dan ma'rifah. Ianya perlu ditanggapi setepat mungkin agar tidak diselewengkan oleh syaitan yang sentiasa mencari ruang dan waktu untuk menjahankannya.

Pengalaman dhauq dan ahwal adalah berbeza mengikut individu, situasi, pengalaman, amalan, maqam, tempat dan masa. Oleh kerana metod sufiyat mestilah melalui amalan, sejarah menampilkan kisah-kisah pengalaman yang dialami oleh Al-Ghazzali (1991 : 53-91) misalnya yang memulai perjalanan kerohanian selepas beliau jatuh sakit kerana dilema emosi dan akhirnya mendapat hasil yang lumayan lalu kembali ke tempat asalnya dalam keadaan yang jauh lebih baik. Begitu juga pengalaman Shaykh Najm al-Din Kubra (1995 : 86-99) yang mengemukakan banyak petua kepada peminat sebelum beliau gugur syahid di tangan Mongol pada 618H/ 1221. Shaykh Ahmad Sirhindi (Ansari 1986) dan lain-lain shaykh terbilang telah melalui sendiri dhauq dan ahwal masing-masing yang rasanya tidak tepat digambarkan oleh kata-kata yang ringkas.

Oleh kerana dhauq dan ahwal yang amat seni ini perlu ditanggap secara tepat, dalam hal ini murid yang begitu mentah boleh dibantu oleh guru yang 'alim dan berpengalaman. Oleh itu situasi ini amat berkaitan dengan keperluan guru 'alim yang mu'tabar serta rujukan yang tepat dan jelas.

## Pentingnya rujukan yang tepat dan jelas terhadap shari'at Islam yang sebenar

Al-Quran dan al-Sunnah perlu ditafsir rujuk secara tepat dan menyeluruh terutama dalam menilai situasi pengamal tarekat terhadap pengalaman-pengalaman aneh mereka.

Justeru itu adalah amat penting dan perlu lembaga rujuk baik individu mahu pun kelompok yang terdiri daripada beberapa individu atau badan, berfungsi sebaik mungkin bersama persediaan kepakaran dan keilmuan yang tidak sedikit.

Kedangkan sudut ini amat mempengaruhi institusi tarekat ke arah penyelewengan dan silap arah yang akhirnya akan merosakkan institusi tarekat itu sendiri. Kekaburan dan penyimpangan akan menjadi lebih kompleks di kalangan mereka yang telah banyak terpengaruh kerana asimilasi falsafah dan budaya asing seperti pengaruh Greek, Hindu, Buddha dan seumpamanya.

Contohnya Al-Taftazani (1969), Ansari (1986) serta lain-lain penulis dan pengkaji tarekat tasawuf tentunya menyentuh persoalan suluk. Walau pun ianya diharap dapat memperbaiki diri dan meningkatkan kerohanian dengan pelbagai adab dan amalan mulia seperti melazimkan ibadah yang berkualiti dengan kuantiti yang tidak sedikit, tanpa menghitung amalan tersebut (mizan al-'amal) dalam usaha menggilap segala sifat mahmudah dan mengikis sifat-sifat mazmumah untuk membebaskan diri daripada tipu daya dunia menuju Tuhan Rabbul Jalil (Al-Taftazani 1969), namun pengukuran shari'at dengan merujuk al-Quran dan al-Sunnah tetap menjadi suatu kemestian. Sebab itulah sesetengah pengkaji mengomentari "the prophetic way is free from ... and suluk, which are part of the sufi way" (Ansari 1986).

## PENUTUP

Perdebatan dan persoalan tentang tarekat yang berkomponen shaykh dan murid menjadi bahan diskusi menarik bagi peminat ilmu. Ketelitian pemilihan bagi mengelakkan silap langkah merupakan agenda penting penglibatan individu ke dalam medan tarekat tasawuf sepanjang zaman.

Namun tidak ramai yang mengenengahkan sumbangaan tarekat-tarekat tersebut ke arah meningkatkan akhlak, kerohanian dan keagamaan seperti yang diusahakan oleh ramai pejuang terdahulu di bidang ini. Usaha mereka bukan sahaja mengkaji malah mengomentari dan menulin jernih liku-liku amalan tasawuf dengan turut sama terjun ke tengah aktiviti dan kegiatan tersebut. Kesilapan-kesilapan yang mungkin berlaku segera cuba diperbetulkan agar tidak menambahkan kerumitan kemudian hari.

Usaha-usaha tersebut telah berjaya membentuk individu-individu yang bukan sahaja bersih hati dan pekertinya malah berani dan berwibawa dalam mempertahankan kedaulatan Islam dengan perjuangan dan pengorbanan yang padu.

Sayangnya, institusi tarekat kian luntur kerana manipulasi beberapa shaykh palsu menjerat murid menjadi mangsa kebuasan nafsu dan agenda-agenda kesyaitanan. Institusi ini juga diburui penyelewengan amalan kerana pengaruh kerohanian agama lain yang menanggapi dualisme insan serta kejelikan dunia; sedangkan Islam sama sekali tidak menolak dunia, malah merupakan kebun akhirat.

Maka sifat-sifat mazmumah yang kini berleluasa dan menebal di hati manusia mengakibatkan berlakunya banyak gejala sosial dan jenayah dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Kesukaran suasana tersebut untuk ditangani juga amat berkaitan dengan bidang tasawuf yang semakin ditinggalkan dan tidak digemari walaupun ilmu-ilmu tasawuf sebenarnya sebaris dengan bidang fiqh dan mu'amalat, malah mungkin lebih penting dan utama darinya.

## RUJUKAN

- Ansari, Muhammad Abdul Haq. (1406H/1986). Sufism and shari'ah : A study of shaykh Ahmad Sirhindi's effort to reform sufism. K.Lumpur : The Islamic Foundation/ A.S.Noordeen
- <sup>c</sup>Afifi, Abu al-<sup>c</sup>Ula. (1963). Al-Tasawuf : Al-thawrat al-ruhiyat fi al-Islam. Al-Qahirat : Dar al-Ma<sup>c</sup>arif.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1991). Munqidh min al-dalal. Abdul Fatah Haron Ibrahim (terj.). Penyelamat dari kesesatan. K.Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <sup>c</sup>Iyyad, Ahmad Taufiq. (1970). Al-Tasawuf al-Islami : Tarikhuhu wa madarisuhu wa tabi<sup>c</sup>atuhu wa atharuh. Al-Qahirat : Al-Matba<sup>c</sup>at al-Fanniyyat al-Hadithat.
- Kubra, Syaikh Najm al-Din. (1995). Adab Suluk : Sebuah risalah tentang perjalanan spiritual. Dlm. Al-Hikmah. Jurnal Studi-studi Islam. No. 15. Vol. VI. Bandung : Yayasan Muthahhari.
- Mahmud, <sup>c</sup>Abd al-Halim. (T.th). Al-Madrasat al-Shaziliyat al-Hadithat wa imamuha Abu al-Hasan al-Shazili. Al-Qahirat : Dar al-Kutub al-Hadithat.
- Mubarak, Zaki. (T.th). Al-Tasawuf al-Islami fi al-adab wa al-akhlaq. Juz' 1. Bayrut : Al-Maktabat al-<sup>c</sup>Asriyat lit-Taba<sup>c</sup>at wa al-nashr
- Al-Muhasibi, Abu <sup>c</sup>Abd Allah al-Harith bin Asad. (1390H/ 1970). Al-Ri<sup>c</sup>ayat li huquq Allah. Al-Qahirat : Dar al-Kutub al-hadithat.
- Al-Qushairi, <sup>c</sup>Abd al-Qasim <sup>c</sup>Abd al-Karim bin Hawazin. (1968). Kitab tartib al-suluk fi tariq Allah. Dlm. The theme of Ascension in mystical writings Qassim al-Samarai. Vol. 3. Baghdad : The National Printing and Publishing Co.
- Al-Taftazani, Abu al-wafa al-Ghanimi. (1389H/1969). Ibn <sup>c</sup>Ata'illah al-Sakandari wa tasawufuh. Cet. 2. Al-Qahirat : Maktabat al-Inglu al-Misriyat.
- Zainal Abidin Abbas. (1993). Ilmu Tasauf. Cet. 5. Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. (1998). Tarekat tasawuf sebagai wadah amalan kerohanian Islam : Satu analisis konseptual. Dlm. Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah (pnyt.). Islam, akidah dan kerohanian, hlm. 134-155. Edisi kedua. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.